

05 JUL 1998

Sabbaruddin-Arau

KEKALAHAN CALON BN DI ARAU TIDAK DIJANGKA, KATA SABBARUDDIN

KUALA LUMPUR, 5 Julai (Bernama) -- Setiausaha Agung Umno Datuk Sabbaruddin Chik berkata kekalahan calon Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya kecil Parlimen Arau semalam "tidak dijangka dan di luar dugaan."

"Sudah kalah, kita nak buat apa... Banyak juga tak menjangkakannya," katanya.

Sabbaruddin diminta mengulas kegagalan BN mempertahankan kerusi Arau itu ketika ditemui pemberita di sini hari ini selepas pelancaran perarakan flora sempena Pesta Flora '98.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melancarkan acara itu.

Sabbaruddin yang juga Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan berkata Umno akan mengadakan post-mortem mengenai kekalahan itu.

Pada pilihan raya kecil itu calon BN Ismail Kassim tewas kepada calon PAS Hashim Jasin dengan majoriti 1,323 undi. Hashim memperolehi 12,864 undi manakala Ismail mendapat 11,541 undi.

Sabbaruddin juga ditanya sama ada kekalahan Ismail ada kaitannya dengan isu nepotisme yang dibangkitkan oleh beberapa pemimpin Umno baru-baru ini memandangkan calon BN itu adik kepada Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim.

Beliau berkata: "Itu kita tak tahulah, kita kena teliti. Kita kena tengok dulu apa sebabnya. Saya tidak dapat beri alasan."

"Tetapi ini sudah tentu merupakan satu perkara yang mesti kita teliti mengapa terdapat kekalahan sedangkan pada pilihan raya umum lepas kita mendapat majoriti 6,000 hingga 7,000 undi," kata Sabbaruddin.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian anggota Parlimen Arau Kamaruddin Ahmad pada 25 Mei lepas.

Pada pilihan raya umum 1995, Allahyarham Kamaruddin memperolehi 16,266 undi menewaskan Mohd Zain Hamzah calon Semangat 46 yang kini sudah dibubarkan, dengan 6,929 undi.

--BERNAMA

ES RON